

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 MEI 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Lima saintis muda wakil negara ke Mesyuarat Nobel Laureates	Utusan Malaysia
2.	5 saintis tempatan dipilih ke Jerman	Berita Harian
3.	Youth to learn from the best	The Star
4.	MyDerm, Derm-Autologus ganti Botox	Berita Harian
5.	Teknologi pulih kulit	Harian Metro
6.	CSM jadi badan khas pantau ancaman jenayah siber	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 09
TARIKH: 30 MEI 2015 (SABTU)



ASMA ISMAIL (tengah) bermesra dengan Saintis Muda Malaysia yang akan menyertai Nobel Laureates dan International Scientific Research pada majlis pengumuman berkenaan di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/HALIM KHALID

Lima saintis muda wakil negara ke Mesyuarat Nobel Laureates

KUALA LUMPUR 29 Mei - Lima saintis muda diberi pengiktirafan mewakili negara dalam Mesyuarat Nobel Laureates ke-65 yang akan dikendalikan Akademi Sains Diraja Sweden, sebuah pertubuhan sains terkemuka yang memberikan anugerah Nobel Laureates kepada saintis terbaik dunia.

Mereka terdiri daripada Dr. Chin Kok Yong dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Amirah Abdul Latif dan Dr. Haslina Ahmad (Universiti Putra Malaysia), Dr. Oon Chern Ein (Universiti Sains Malaysia) dan Liew Peng Yen (Universiti Teknologi Malaysia).

Naib Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Datuk Profesor Dr. Asma Ismail berkata, mesyuarat di Lindau, Jerman itu merupakan platform terbaik untuk memberi pendedahan kepada saintis muda dan membolehkan mereka beraksi dan bertukar pandangan dengan penerima anugerah terse-

but atau saintis berpengalaman.

"Mesyuarat yang bermula 29 Jun sehingga 4 Julai ini bukan sahaja menentang saintis muda negara ke peringkat global sebaliknya mendedahkan mereka dengan pengetahuan kerana program tersebut turut diisi dengan sesi penerangan daripada pensyarah Nobel Laureates dan seminar.

"Kumpulan yang diwakili empat pensyarah dan seorang penyelidik dari empat universiti awam ini berpeluang bertukar pandangan tentang ilmu sains supaya ia dapat dibawa dan diguna pakai di negara kita untuk kemajuan sains pada masa hadapan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Asma berkata, kesemua peserta mesyuarat tersebut telah dipilih daripada keseluruhan saintis terbaik di institusi akademik dan yayasan daripada lebih 80 buah negara, malah mereka juga terpilih daripada 25 pencalonan terbaik

yang datang daripada negara ini.

Katanya, ASM turut menghantar seorang pelajar Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD), Tan Sie Ting ke Sistem Analisis Gunaan (IIASA) Program Musim Panas Saintis Muda (YSSP) yang bermula 1 Jun ini di Vienna, Austria.

Selain itu katanya, tiga wakil pelajar daripada pelbagai universiti iaitu Nur Zulaiha Jomhari dari Universiti Malaya, Muhammad Khairul Adib Muhammad Yusof (UPM) dan Wong Wei Wen (Universiti Multimedia Malaysia) dihantar menyertai Program Persidangan Pelajar CERN (CSSP) di Geneva, Switzerland.

Dalam pada itu, beliau turut memohon Kementerian dan mana-mana agensi untuk bekerjasama dengan ASM dalam menyediakan peruntukan kewangan kepada saintis muda terbabit yang kini ditanggung sepenuhnya oleh institusi pengajian masing-masing.

5 saintis tempatan dipilih ke Jerman

Kuala Lumpur: Lima saintis muda tempatan dipilih mewakili negara ke mesyuarat Lindau Nobel Laureates Ke-65 yang akan diadakan di Lindau, Jerman pada 29 Jun ini.

Mereka adalah Dr Chin Kok Yong, 29, dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Amirah Abd Latif, 30, (Universiti Putra Malaysia), Liew Peng Yen, 26, (Universiti Teknologi Malaysia), Dr Haslina Ahmad, 31, (Universiti Putra Malaysia) dan Dr Oon Chern Ein, 32, (Universiti Sains Malaysia).

Timbalan Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Profesor Datuk Dr Asma Ismail, berkata mesyuarat itu sebagai landasan pendedahan kepada saintis muda terbahit untuk bertukar idea dan pendapat mengenai bidang sains dengan saintis dari seluruh dunia yang akan berkumpul pada mesyuarat itu nanti.

Katanya, kajian dan ilmu pengetahuan daripada saintis berkenaan mampu menjulang nama negara sekali gus menjadikan mereka sebagai idola di dalam dunia sains.

"Mereka dipilih daripada 25 penyertaan seluruh negara dan mesyuarat itu adalah langkah terbaik bagi saintis muda negara menimba pengalaman seterusnya menggunakannya bagi menghasilkan sesuatu yang



Dr Asma (tengah) beramah mesra dengan peserta pemilihan Saintis Muda Malaysia untuk menyertai dalam program pemilihan antarabangsa pada sidang media di Menara MATRADE, Kuala Lumpur.

[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/ BH]

boleh dibanggakan.

Guna peluang keemasan

"Saintis kita juga perlu menggunakan peluang keemasan ini untuk membentuk satu komuniti dalam kalangan saintis luar negara. Paling penting adalah ilmu yang mereka peroleh ketika di Jerman nanti," katanya pada sidang media di Menara MATRADE, di sini, semalam.

Asma berkata, ASM turut menghantar seorang pelajar Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) ke Sistem Analisis Gunaan (IIASA) Program Musim Panas Saintis Muda (YSSP) bermula pada 1 Jun bertempat di Vienna, Austria, selain tiga wakil pelajar

pelbagai universiti menghadiri Program Persidangan Pelajar CERN (CSSP) yang juga bermula serentak di Geneva, Switzerland.

"Kita mahu melahirkan saintis yang mampu berfikir di luar kotak, selain mempunyai idea sains yang menarik untuk diketengahkan seterusnya memperkenalkan kebolehan mereka kepada masyarakat.

"Saya berharap saintis kita akan mencipta nama di pentas dunia dan menjadi ikon negara satu hari nanti," katanya.

Tangani halangan

Dalam pada itu, Pensyarah Farmakologi Universiti Kebangsaan

Malaysia, Dr Chin Kok Yong, 29, berkata ini adalah peluang terbaik untuk beliau mengetahui bagaimana saintis muda dari seluruh dunia menjalankan kajian dengan idea yang berbeza.

"Di Jerman nanti, saya hendak mempelajari sesuatu daripada saintis sama umur dengan saya. Sebagai contoh, bagaimana mereka menangani halangan yang ada ketika menjalankan kajian.

"Saya juga akan mempelajari teknik untuk terus mendalami ilmu di dalam bidang yang mencabar ini seterusnya berhasrat menaikkan nama negara ke persada antarabangsa," katanya.

Youth to learn from the best

Nine M'sians to meet leading scientists at international programmes

By L. SUGANYA
suganya@thestar.com.my

PETALING JAYA: Nine of the country's brightest earned the opportunity of a lifetime to meet and learn from international award-winning scientists.

The young scientists will attend the Lindau Nobel Laureate meeting, the European Organisation for Nuclear Research (CERN) Summer Student Programme and IIASA Young Scientist Summer Programme.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) researcher Liew Peng Yen, who will be attending the Lindau Nobel Laureate meeting, said participants would be able to learn not

only about the laureate's field of studies but also about how they became successful.

"We can learn how to implement our research and make money through it.

"This is very important as many of our researchers are locked to their desks and they submit their work to journals but nothing comes out of it. Perhaps we can learn from the successful scientists on how to achieve what they have. We might not win awards but we could still strive to achieve success," he said.

This year, the meeting will be interdisciplinary: Nobel Laureate winners from the fields of chemistry, physics and physiology or medicine will be present.

This only happens once in five years as a rotation system between the different fields is followed in other years.

Four other participants at the meeting are Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Pharmacology lecturer Dr Chin Kok Yong, Universiti Putra Malaysia (UPM) senior lecturer of Physics Dr Amirah Abd Latif, UPM senior lecturer of chemistry Dr Haslina Ahmad and Universiti Sains Malaysia (USM) senior lecturer in medical oncology Dr Oon Chern Ein.

Three lucky young scientists will be spending two months at CERN, where they will be working and learning alongside some of the best scientists in the field.

The participants are University Malaya Masters in Physics student Nur Zulaiha Jomhari, UPM Bachelor in Science (Physics) student Muhammad Khairul Adib Muhammad Yusof and Multimedia University Bachelor in Electronics (Nanotechnology) student Wong Wei Wen.

UTM postgraduate student Tan Sie Ting will be participating in the three-month IIASA programme in the field of environmental engineering, where she will be working under the supervision of experienced scientists to conduct research on solid waste management.

The selection and vetting of the participants were carried out by Academy of Sciences Malaysia.

Perhaps we can learn from the successful scientists on how to achieve what they have. We might not win awards but we could still strive to achieve success.

Liew Peng Yen

MyDerm, Derm-Autologus ganti Botox

» Produk asas
dibangunkan
UKM bantu
mangsa nahas,
kebakaran

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Malaysia bakal menempa nama dalam industri perubatan dan kosmetik di Asia Tenggara, hasil pengenalan dua produk asas yang akan mengubah masa depan mangsa kemalangan dan kebakaran.

Produk berkenaan juga berpotensi menjadi pengganti kepada suntikan kecantikan seperti Botox dan vitamin C.

Kedua-dua produk asas, iaitu MyDerm dan Derm-Autologous yang dibangunkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu akan dikomersialkan oleh Cell Tissue Technology Sdn Bhd (CTT), syarikat kejuruteraan tisu badan pertama negara.

Paling menarik adalah

MyDerm, hasil penyelidikan diketuai pensyarah perubatan UKM, Prof Datuk Dr Ruszymah Idrus mampu membiak dan menghasilkan sel kulit baharu untuk mangsa kemalangan atau kebakaran dengan hanya menggunakan cebisan kecil kulit mangsa.

MyDerm adalah satu-satunya produk asas pembiakan sel kulit (mangsa sendiri) yang ada di Malaysia dan Asia Tenggara, sekaligus bakal menjadikan negara sebagai pelopor kepada inovasi penting dalam sains hayat.

Walaupun akan dikomersialkan menjelang akhir tahun ini, namun seramai 12 pesakit sudah menjadi testimoni kepada produk asas berkenaan dan ia ternyata memberi hasil positif dan pesakit kembali pulih seperti normal.

Bagi Derm-Autologous pula, produk asas itu sudah dikomersialkan menerusi pusat rawatan kecantikan bertauliah yang dipera-kui secara klinikal mampu menjadikan kulit lebih anjal dan mampu menggantikan suntikan Botox atau Vitamin C.

Walaupun kos mendapatkan rawatan Derm-Autologous dianggarkan RM5,000 hingga RM15,000, namun pesakit hanya memerlukan rawatan itu sekali

sahaja, berbanding produk kecantikan lain.

Sasar jualan RM1.5 juta

Ketua Pegawai Eksekutif CTT, Dr Khairul Idzwan Baharin, berkata syarikat itu menyasarkan jualan RM1.5 juta menjelang akhir tahun depan bagi produk teras yang baharu dilancarkan, iaitu MyDerm dan Derm-Autologus.

Katanya, produk yang disasarkan untuk dermatologi dan pakar perubatan estetik, menerima maklum balas mengalakkan daripada pengguna dan berpotensi untuk dipasarkan pada peringkat antarabangsa.

"Produk asas berkenaan membatik sel manusia serta darah pesakit yang dikulturkan dan rawatan seperti ini hanya boleh dilakukan oleh pakar kulit, pakar bedah, serta doktor estetik yang diperakui," katanya pada sidang media selepas pra-pelancaran produk asas itu di Serdang, semalam.

Produk asas itu dilancarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Technology Corporation Sdn Bhd (MTDC), Datuk Norhalim Yunus bersempena dengan Persidangan Simbiosis 2015 yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.



Norhalim (kiri) sambil diperhatikan (dari kanan) Khairul, Pengarah Urusan Reborn Medical Technology, Chen Hun Kim dan Dr Ruszymah pada majlis pra-pelancaran produk di Serdang, semalam. [FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

Teknologi **pulih** kulit

■ CTT sasar jualan RM1.5j menerusi MyDerm, Derm-Autologus

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my
Serdang

Cell Tissue Technology Sdn Bhd (CTT), menyasarkan jualan RM1.5 juta menjelang 2016 menerusi pengenalan produk barunya, MyDerm dan Derm-Autologus.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Khairul Idzwan Baharin berkata, produk terbabit hasil daripada teknologi terbaru berdasarkan kajiannya dijalankan sejak 2008 dan disasarkan untuk kegunaan dermatologi serta pakar perubatan estetik.

"Produk ini menerima maklum balas mengalakkan daripada pengguna dan berpotensi dipasarkan di peringkat antarabangsa, malah ia adalah yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara yang dihasilkan daripada sel manusia serta darah pesakit yang dikulturkan. Rawatan seperti ini hanya boleh dilakukan pakar kulit, pakar bedah, serta doktor estetik yang diperakui.

"Sebanyak RM12 juta mo-



DR Khairul Idzwan menunjukkan produk keluaran syarikatnya.

dal diterima untuk membangunkan projek ini sejak 2008, apabila RM8.5 juta daripada MTDC, manakala selebihnya datang dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pembekal teknologi, dan pemegang saham," katanya pada sidang media prapelancongan produk CTT di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Technology Corporation Sdn

Bhd (MTDC), Datuk Norhalim Yunus dan Ketua Pegawai Teknologi CTT, Prof Datuk Dr Ruszymah Idrus.

Khairul berkata, sebagai syarikat kejuteraan tisu yang pertama di Malaysia, pihaknya turut bekerjasama dengan Dr Richard Ng daripada Reborn Medical Technology (RMT), penaung utama pengedaran di Malaysia, serta melalui Dr Choi Min Seok, orang di belakang sel stem

terkemuka di Korea bagi memasarkan produk terbabit.

Menurutnya, CTT telah menubuhkan makmal berpiawaian tinggi, dilengkapi dengan tiga bilik bersih, yang mampu menampung 24 keping kulit dengan saiz 100 sentimeter persegi sebulan untuk menghasilkan produk My-Derm dan 72 produk tiub Derm-Autologous.

FAKTA

Produk dihasilkan daripada sel manusia serta darah pesakit yang dikulturkan

CSM jadi badan khas pantau ancaman jenayah siber

Kuala Terengganu: Kementerian Komunikasi dan Multimedia mahu memperkasakan Cyber Security Malaysia (CSM) sebagai sebuah subsidiari di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), bagi memudahkan kawalan terhadap isu berkaitan jenayah siber.

Timbalan Menteri, Datuk Jailani Johari (**gambar**), berkata ancaman jenayah siber yang semakin berleluasa ketika ini memerlukan tindakan segera dan pihaknya akan mengemukakan cadangan supaya CSM menjadi satu badan khas yang mempunyai keupayaan memantau serta mengekang ancaman jenayah siber yang boleh menggugat ketenteraman awam.

Pindaan akta ke Parlimen

Beliau berkata, pihaknya akan membentangkan pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di Parlimen untuk memasukkan peruntukan dan cadangan su-

paya CSM dijadikan subsidiari di bawah SKMM yang dijangka pada Oktober depan.



“Kita tahu dari segi isu siber, kebanyakannya dikendalikan oleh pihak CSM. Bagaimanapun, CSM adalah sebuah syarikat sedangkan SKMM adalah badan berka-

nun. Justeru, dalam kajian pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang dijangka akan dibentangkan Oktober ini di Parlimen, mungkin kita boleh masukkan satu peruntukan atau cadangan yang membolehkan CSM sebagai sebahagian kepada SKMM.

“Apabila berkaitan isu keselamatan siber, kita ada badan yang khusus sekiranya berlaku ancaman siber,” katanya selepas merasmikan Program Meraikan Satu Juta Pelanggan Njoi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai langkah yang diambil kementerian dalam mengawal jenayah siber, termasuk kelantangan pengguna bersuara di media sosial sehingga boleh menggugat ketenteraman awam.